



**PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA STAF AKADEMIK UNIVERSITI MALAYA
YANG BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan : Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)

2. KRITERIA PEMILIHAN PENYANDANG

(1) Kriteria Umum

Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) adalah seperti berikut:

(a) Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

(b) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

(c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kemampuan calon.

(d) Reputasi

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

(e) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisam, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

(2) Kriteria Khusus

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

(a) Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya

Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

(b) Mahir Mensintesis Instrument Komitmen Penyelidikan (RU Instrument)

KPI Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) utama adalah meneraju penyelidikan dan institut pengajian tinggi masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Center of Excellence (COE)* atau fakulti.

(c) Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

(d) Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Hak Intelek

Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui pelesenan dan pengkomersialan

(e) Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan

Penyandang mesti mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar

penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

(f) **Pengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya**

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

3. MAKLUMAT EMOLUMEN

Gred Gaji VU6

Gaji Minimum	RM8,315.00	}	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2016
Gaji Maksimum	RM22,445.00		

Imbuhan

Imbuhan Tetap Keraian	RM3,050.00 sebulan
Imbuhan Tetap Perumahan	RM1,600.00 sebulan
Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas	RM1,500.00 sebulan
Bayaran Khas Akademik	RM1,000.00 sebulan
Bayaran Pembantu Rumah	RM 500.00 sebulan
Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	RM2,000.00 setahun
Kenaikan Gaji Tahunan	9%

4. CARA MEMOHON

Staf yang berminat boleh mengemukakan permohonan bersama maklumat-maklumat seperti berikut:

- (1) *Curriculum Vitae (CV)* penuh yang terkini beserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - (a) Latar belakang diri;
 - (b) Latar belakang pendidikan;
 - (c) Pengalaman kerjaya;
 - (d) Jawatan pentadbiran disandang;
 - (e) Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal ISI dan buku); dan
 - (f) Dokumen sokongan (jika berkaitan).
- (2) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor yang diiklankan. Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan

- dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan; dan
- (3) Laporan Perujuk Peribadi. Sekurang-kurangnya dua (2) orang Perujuk Peribadi yang boleh menyokong dan memberikan ulasan kesesuaian pemohon untuk menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor yang diiklankan. Perujuk Peribadi hendaklah mengemukakan laporan terus kepada Ketua, Bahagian Pengurusan Organisasi dan Governan, **selewat-lewatnya pada 31 Mei 2023**. Adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memaklumkan perkara ini kepada Perujuk Peribadi yang dinamakan.

Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Puan Rumiza Ahmad

Ketua, Bahagian Pengurusan Organisasi dan Governan
Jabatan Pendaftar
Aras 7, Canseleri
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur

No. Tel: +603-7967 3254

Emel : bpog@um.edu.my

Tarikh tutup permohonan ialah pada 19 Mei 2023 (Jumaat).